



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI



PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR

MORA OVERSEAS STUDENT MOBILITY AWARDS (MOSMA) INDONESIA 2023



28 Februari 2024

Majlis Penutup Program Pertukaran Pelajar MORA Overseas Student Mobility Awards (MOSMA) Indonesia 2023 telah dihadiri oleh pengurusan tertinggi ACIS YBhg Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani (Dekan ACIS); YBhg Prof Dr S. Salahudin Suyurno (TD PJI); YBrs. Prof Madya Dr Azri Bhari (TD HEP) dan AJK Antarabangsa ACIS. Majlis ini diadakan sebagai satu simbolik terima kasih dan penghargaan kepada pelajar terlibat daripada kalangan mahasiswa UIN Syarif Hidayatullah, UIN Sunan Ampel, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, UNI KH Abd Chalim dan Universitas Islam Internasional Indonesia. Seramai 4 orang pelajar ijazah sarjana muda dan 6 orang pelajar pascasiswazah telah berjaya menyempurnakan sesi perkuliahan sepanjang satu semester di ACIS termasuk menyertai aktiviti silang budaya yang di anjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Jawatankuasa Antarabangsa ACIS.

YBhg Prof dekan ACIS merakamkan ucapan tahniah kepada para pelajar kerana berjaya menghabiskan kuliah dengan cemerlang, memperluas hubungan ACIS di peringkat antarabangsa dan YBhg Prof Dekan turut menawarkan peluang menyambung pengajian bersama program pascasiswazah ACIS.

Terima kasih dan selamat maju jaya kepada seluruh peserta Program Pertukaran Pelajar MORA Overseas Student Mobility Awards (MOSMA) Indonesia 2023 ke ACIS. Semoga kenangan yang indah menjadi bekalan pulang ke Indonesia dengan selamat.



اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.